

# HEMATOGENIX HADIR SINAR

*Makmal onkologi berpusat pertama di Malaysia  
tambah baik sektor perubatan negara*

**Kuala Lumpur**

Pembukaan makmal onkologi berpusat pertama untuk ujian klinikal di Malaysia, Hematogenix dijangka meningkatkan lagi nilai industri farmaseutikal dan penjagaan kesihatan tempatan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta perkhidmatan berkaitan.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) (Pembangunan Pelaburan) Lim Bee Vian berkata, kehadiran Hematogenix di Malaysia turut dijangka menarik lebih banyak ujian klinikal pada peringkat global ke dalam negara.

“Projek ini dengan pelaburan terkini lebih AS\$9 juta (RM39 juta) berjaya dilaksanakan menerusi dasar pelaburan kita, insentif, pembangunan dan ketersediaan bakat serta kemudahan urusan dalam membawa sampel biologi dan mesin.

“Sebagai balasan, saintis dan ahli profesional penjagaan kesihatan kita mendapat manfaat dari Hema-

togenix dari segi pemindahan pengetahuan dan teknologi,” katanya dalam satu kenyataan.

Makmal tersebut yang terletak di Cyberjaya dirasmikan oleh Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin dan disaksikan oleh Lim, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Hematogenix Dr Hytham Al-Masri dan Ketua Pegawai Eksekutif Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM) Dr Akhmal Yusof.

Hematogenix, sebuah makmal berpusat penyelidikan klinikal antarabangsa mengkhususkan pada onkologi atau kajian kanser dengan pengiktirafan daripada Kolej Ahli

Patologi Amerika (CAP) dan Pindaan Penambahbaikan Makmal Klinikal (CLIA) sudah beroperasi secara global sejak 2007 dan berada di Malaysia sejak Jun 2021.

Hematogenix beribu pejabat di Chicago, Amerika Syarikat dan mempunyai tiga cawangan di seluruh dunia, meliputi pasaran Eropah di Manchester, United Kingdom; pasaran China di


Shanghai dan terkini pasaran untuk Asia Pasifik di Cyberjaya.

Sementara itu, menurut kenyataan itu Khairy dalam ucapannya menekankan bahawa selain menggalakkan pelaburan secara langsung dari luar negara dan merangsang industri penyelidikan klinikal, kolaborasi antara Hematogenix dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memperhebat lebih banyak kerjasama tempatan terutama dalam menyediakan perkhidmatan diagnostik berteknologi moden.

Beliau menambah kolaborasi itu akan membawa kepada lebih banyak pertukaran ilmu dan latihan untuk saintis di bawah KKM serta menawarkan faedah secara langsung kepada para pesakit kanser, memandangkan pelbagai ujian untuk biomarker kanser kini boleh didapati dalam negara dengan kadar menunggu yang lebih cepat bagi diagnosis.

Fasiliti tersebut kini beroperasi dengan 40 anggota terlatih dan berkelayakan termasuk ahli patologi, saintis berkelulusan doktor falsafah dan sarjana, ahli teknologi perubatan, ahli bioinformasi dan pembangunan perisian.

“  
Saintis dan  
ahli profesional  
penjagaan  
kesihatan kita  
dapat manfaat  
Lim



GAS Makmal Penyelidikan Klinikal Hematogenix Asia  
melabelkan ujian darah pada Majlis Pelancaran Rasmi  
Makmal Penyelidikan Klinikal Hematogenix Asia Pasifik.